

POLISI ANTIRASUAH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)

Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertekad mempertahankan prinsip memerangi rasuah dalam semua aktiviti dan operasi berasaskan nilai integriti dan akauntabiliti. Bagi merealisasikan polisi ini, KPKT komited mematuhi perkara-perkara berikut:

1. KPKT akan bertindak tegas dan tidak akan bertoleransi terhadap apa-apa bentuk rasuah (*zero tolerance towards corruption*) sama ada memberi atau menerima:
 - i. daripada warga Kementerian; atau
 - ii. daripada mana-mana individu atau syarikat yang bertindak untuk KPKT atau bagi pihaknya.

2. KPKT beriltizam mengekalkan *standard* integriti yang paling tinggi termasuk mencegah perlakuan yang berunsur dan berpotensi rasuah serta tidak beretika dalam pelaksanaan aktiviti dan operasi kementerian.

3. Pengurusan Tertinggi KPKT komited untuk menerapkan elemen antirasuah serta memantapkan kawalan dalaman bagi memastikan pematuhan terhadap prosedur dan peraturan yang berkesan seterusnya berusaha mencegah, memantau, menghapuskan rasuah dan memastikan penambahbaikan *Anti-Bribery Management System* (ABMS) KPKT dilaksanakan secara berterusan.

4. Warga KPKT wajib mematuhi Polisi Antirasuah yang ditetapkan dan pelanggaran kepada polisi ini membolehkan tindakan punitif dikenakan kepada mereka yang terlibat dalam rasuah.
5. Warga KPKT atau orang awam boleh membuat aduan dan mendedahkan apa-apa kelakuan rasuah di KPKT melalui saluran aduan KPKT iaitu Sistem Aduan Bersepadu dan berhubung dengan Pegawai Integriti melalui emel, telefon atau hadir sendiri ke Unit Integriti. Setiap aduan yang diterima melalui saluran ini adalah **SULIT** dan akan disiasat dengan telus dan adil.
6. Unit Integriti diberi tanggungjawab dan kuasa untuk mengawasi pematuhan prosedur, peraturan dan ABMS KPKT dengan pelaporan terus kepada Pengurusan Tertinggi KPKT bagi isu-isu yang berkaitan rasuah.



DATUK ZAINAL ABIDIN BIN ABU HASSAN

Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tarikh: 10.9.2021